



اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: 05-4595204, 05-4582622 Fax: 05-4595488

(C)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : UPSI/PEND/220/3.1( 27 )

Tarikh : 3 Ogos 2001  
15 Jamadilakhir 1422H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL 3 TAHUN 2001

Dekan-dekan Fakulti,  
Ketua-ketua Bahagian/Unit  
dan Semua Kakitangan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan/Puan,

### PENGLIBATAN KAKITANGAN DALAM POLITIK

#### Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk :-

- i) memaklumkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional supaya tidak mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik;
- ii) memaklumkan pegawai dalam kumpulan sokongan supaya mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga sebelum memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

#### Latar belakang

Sejak kebelakangan ini, terdapat berita-berita mengenai anasir-anasir anti kerajaan dan subversif yang dikaitkan dengan institusi pengajian tinggi awam. Suasana yang tidak menyenangkan ini telah diberi perhatian serius oleh kerajaan dan bagi mereka yang dikenalpasti terlibat akan disingkirkan.

## **Pendahuluan**

1. Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya yang tidak berbelah bahagi kepada Yang DiPertuan Agong, Negara, Kerajaan dan Badan Berkanun.
2. Dalam hal ini, Universiti sebagai salah satu badan berkanun yang diperbadankan oleh Undang-Undang Persekutuan, menerima pakai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 – Akta 605.
3. Pelanggaran mana-mana peruntukan atau peraturan-peraturan berkenaan dengan tatakelakuan pegawai yang dinyatakan dalam Akta ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.

## **Pelaksanaan**

Tuan/puan adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi Jadual Kedua Akta - Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun - Peraturan 20 (Mengambil Bahagian Dalam Politik) seperti berikut:-

- (1) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh –
  - (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
  - (b) menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
  - (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
  - (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;
  - (e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.
- (2) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh, setelah mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga, dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

- (3) Walau apapun subperaturan (1), seseorang pegawai yang telah dibenarkan bercuti hingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik jika –
- (a) dia telah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga untuk berbuat demikian; dan
  - (b) dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].
- (4) Sesuatu permohonan bagi kelulusan di bawah perenggan 3(a) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh pegawai itu dibenarkan bercuti sebelum persaraannya.
- (5) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang seseorang pegawai daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik.

**Tarikh Kuatkuasa**

Tarikh penguatkuasaan Akta ialah pada **1 November 2000**.

Sekian dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**( RUSLEY BIN TAIB )**  
Pemangku Pendaftar

S.k. Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik)  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)